

## **Pendidikan Informal Tukang Emas Haji Hassan bin Mamat di Kelantan**

*Informal Education by The Jewelry Craftsmen  
Haji Hassan bin Mamat di Kelantan*

**Haslinaz Hanapi**

**Harozila Ramli**

**Tajul Shuhaizam Hj Said**

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

lin2dsgnr@yahoo.com

### **Abstrak**

Kajian ini adalah untuk mengkaji latar belakang pendidikan informal yang dilalui oleh tukang emas Haji Hassan bin Mamat sejak turun-temurun sehingga mampu mengekalkan perusahaan barang kemas dari generasi ke generasi. Pendidikan informal yang diwarisi wajar di ambil kira kerana ia memberi kesan terhadap pembangunan modal insan dan kualiti individu dalam menghasilkan rekaan barang kemas yang bermotifkan identiti tempatan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data-data dan gambaran visual melalui temu bual dan pemerhatian. Juga akan melihat nilai yang dipraktikkan melalui pendidikan informal sehingga mampu menjadikan rekaan barang kemas tempatan menarik dan unik.

**Kata kunci:** pendidikan informal, tukang emas, barang kemas

### **Abstract**

*This study is to review the informal education background by craftsmen, Haji Hassan bin Mamat in maintaining the jewelry industry from generation to generation. Informal education heritage by the craftsmen in Kelantan are resonably taken into account because it affect the human development and individual quality in producing designed jewelry with a local identity. This study uses qualitative methods by collecting data and visual representation through interviews and observations. Furthermore, to see the value practice that has been produced through an informal learning up to able to make local jewelry design interesting and unique.*

**Keywords:** informal education, craftsmen, jewelry

### **PENGENALAN**

Pendidikan informal sinonim dengan pendidikan keluarga yang melibatkan tingkah laku, tunjuk ajar, dan peniruan daripada orang yang lebih berpengalaman. Persekitaran mempengaruhi nilai kehidupan individu terutamanya dalam melakukan aktiviti seharian. Kebanyakan tukang emas di Kelantan melalui proses pendidikan informal sejak turun-temurun lagi. Aktiviti pertukangan emas telah dijadikan mata pencarian utama dalam keluarga yang diwarisi dari generasi ke generasi. Pengalaman melalui pemerhatian, perhatian, tingkah laku dan motivasi yang diwarisi oleh tukang emas tempatan wajar diperhalusi. Kehalusan dan keunikan barang kemas yang dihasilkan menggunakan tangan dan peralatan manual wajar dihargai kerana ia mencerminkan identiti sesuatu bangsa.

## **Latar Belakang**

Seni pertukangan emas yang merupakan salah satu seni warisan budaya Melayu telah dibangunkan sejak abad ke-18 lagi. Ramai masyarakat melayu pada waktu itu mempunyai kemahiran menghasilkan barang kemas menggunakan emas. Barang kemas yang diperbuat daripada emas sangat dipandang tinggi nilainya dan ada yang menjadikannya sebagai cagaran hidup untuk menghimpun harta. Kerabat diraja Melayu di Kelantan sanggup menyediakan segala kemudahan untuk menghasilkan barang kemas termasuk menyediakan tempat tinggal di kawasan berhampiran istana semata-mata untuk menghimpunkan tukang emas yang mahir pada abad ke-18 dan 19 (Mohd Kassim, 1990). Tukang emas pada waktu itu mempunyai kedudukan istimewa dan merupakan antara individu terpenting dalam aktiviti menghasilkan barang perhiasan kepada golongan diraja dan kerabatnya. Kerabat-kerabat diraja Melayu sangat menghargai keunikan dan kehalusan seni ukiran emas yang kaya dengan nilai estetika

Aktiviti pertukangan barang kemas berkekalan sehingga kini dan telah melahirkan ramai tukang emas yang mahir di Kota Bharu. Malah, jabatan pelancongan di negeri Kelantan sendiri telah mengiktiraf bahawa antara tempat-tempat menarik yang sesuai dilawati di Kelantan adalah kedai-kedai emas di Kota Bharu. Terdapat beratus-ratus kedai emas di bandar Kota Bharu yang telah lama bertapak dari generasi ke generasi di bandar Kota Bharu.

## **Data dan Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berbentuk kajian kes intrinsik dan akan menggunakan beberapa instrumen utama iaitu pemerhatian, temu bual, rakaman video dan dokumentasi bagi tujuan pengukuhan dalam pemungutan data. Hasil dapatan kajian melalui kaedah pemerhatian akan dihuraikan secara terperinci tentang tukang emas, tempat, aktiviti, proses dan tingkah laku yang diamati di lapangan. Temu bual pula akan memperincikan tentang pengalaman, proses, sikap pemikiran dan keyakinan tukang emas. Dokumentasi atau bahan bertulis yang melibatkan surat-menyurat dan dokumen sejarah akan diperincikan di dalam kajian nanti. Sementara teknik dan proses akan dianalisis melalui rakaman video.

## **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan melibatkan tiga objektif utama seperti berikut:

1. Mengkaji proses pendidikan informal tukang emas Haji Hassan bin Mamat.
2. Mengenal pasti proses rekaan yang dilakukan oleh tukang emas Haji Hassan bin Mamat.
3. Menginterpretasi nilai pendidikan informal yang dipraktikkan oleh tukang emas Hj. Hassan bin Mamat.

Pendidikan informal mengambil kira faktor persekitaran dan taraf kehidupan masyarakat bermula dalam lingkungan keluarga. Menurut Livingstone, D.W. (2010), pendidikan informal adalah antara elemen penting yang membantu melengkapkan matlamat proses pendidikan formal. Proses belajar berlaku sejak dari kanak-kanak di mana segala amalan dan tingkah laku seharian yang dipraktikkan oleh ahli keluarga yang lebih tua akan diamati dan ditiru secara tidak sengaja.

Peranan tukang sangat penting kerana mereka bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses mereka bentuk barang kemas. Tukang emas harus memahami konsep asas seni rupa iaitu estetika dan keindahan yang merupakan komponen utama dalam usaha menambah nilai karya seni yang dihasilkan melalui pendidikan informal. Kemahiran, kehalusan, konsep, reka bentuk, fungsi dan rupa adalah antara nilai estetika yang perlu diambil kira dalam setiap penghasilan produk (Khairul Hafizi et al, 2009). Haji Hassan sangat menitik beratkan citarasa pelanggannya dalam menghasilkan motif terhadap barang kemas yang dihasilkan. Proses, teknik, bahan dan motif akan diperincikan di dalam kajian ini.

Proses membuat barang kemas memerlukan ketekunan dan ketelitian yang tinggi. Keunikan barang kemas tempatan terletak pada kehalusan reka corak motif yang dipilih dan proses penghasilannya. Berdasarkan temu bual bersama Haji Hassan, beliau lebih selesa menggunakan kaedah tradisional dalam

menghasilkan barang kemasnya. Kemahiran menggunakan tangan dan alatan manual masih dipraktikkan sepenuhnya sehingga kini. Kaedah tradisional ini menjadi pilihannya kerana ia memberi satu kepuasan yang tidak dapat digambarkan. Ukiran motif yang dihasilkan nampak lebih halus dan unik.

Pendidikan informal yang dilalui oleh Haji Hassan berlaku tanpa dirancang. Pengaruh persekitaran dan pengalaman orang tuanya mempengaruhi aktiviti seharian beliau. Menurut Jaafar, H. (2004), proses berfikir akan berlaku apabila wujudnya pemindahan budaya. Tanpa disedari, telah berlaku pemindahan budaya melalui proses pemerhatian, peniruan, tunjuk ajar dan tingkah laku bapanya dan tukang emas lain yang berada di sekitar kawasan berdekatan terhadap Haji Hassan. Ini dijelaskan oleh Le Clus (2011), bahawa pendidikan informal berlaku secara rawak dan tidak dirancang.

Proses belajar yang berlaku secara berterusan dari generasi ke generasi ini akan menyebabkan potensi individu tidak dapat dijangka sepenuhnya. Kualiti barang kemas yang dihasilkan mungkin berlaianan walaupun bentuknya serupa. Ini diperjelaskan oleh Marsick, V.J. et al, (1999) pengalaman individu sangat penting dalam melalui proses belajar yang tidak dirancang dan spontan.

### **Pendidikan Informal Haji Hassan bin Mamat**

Kedai Emas Haji Mohd di Kota Bharu, Kelantan antara yang telah lama bertapak dan perniagaan barang kemas merupakan sebagai mata pencarian utama keluarga Haji Hassan bin Mamat. Beliau telah mewarisi kemahiran pertukangan emas daripada bapanya Haji Mamat melalui pendidikan informal. Ketika berumur 15 tahun, beliau sudah mula mengikut ayahnya berniaga barang kemas di kaki lima pekan Kota Bharu. Beliau sentiasa memerhati bagaimana bapanya menghasilkan barang kemas di rumah pada ketika itu.

Terdapat ramai tukang-tukang emas lain di kampungnya yang sering datang berbincang dan berkongsi kemahiran pertukangan emas dengan bapanya. Sejak kecil, kehidupan Haji Hassan dikelilingi dengan persekitaran tukang emas dan aktiviti pertukangan barang kemas di kampungnya. Secara tidak sengaja, beliau turut membantu bapanya menghasilkan aktiviti pertukangan yang mudah seperti mengukur saiz dan melakukan proses kemas akhir terhadap barang kemas yang dihasilkan.

Pengalaman yang dimiliki selama 31 tahun dalam aktiviti penghasilan barang kemas telah menjadikan beliau sebagai seorang tukang emas yang dipercayai oleh pelanggan tetapnya. Menurut Weisberg (1999), untuk menjadi seseorang yang benar-benar pakar dalam sesuatu bidang, jangka masa 10 tahun atau lebih diperlukan untuk membuktikan kemahirannya. Aktiviti pertukangan emas yang bermula daripada ayahnya sejak era 50-an telah diteruskan oleh Haji Hassan sehingga sekarang malah kini, anaknya pula telah membuka sebuah lagi cawangan di Kota Bharu.

Haji Hassan melakukan aktiviti pertukangan dan meneruskan legasi pertukangan emas di dalam keluarganya sebagai mata pencarian utama. Menurut Gherardi, S. (2009), komunikasi dan pengalaman sosial adalah aktiviti pembelajaran yang seharusnya bersatu. Aktiviti seharian yang dilakukan oleh keluarganya setiap hari bukan sahaja mempengaruhi beliau, malah empat daripada enam adik-beradiknya juga telah menjadikan pertukangan emas sebagai mata pencarian keluarga. Aktiviti seharian yang dilakukan adalah berdasarkan hubungan dan pengalaman orang tua mereka tanpa dirancang.

Fokus terhadap amalan seharian yang dilakukan telah memberi keyakinan dan keberanian untuk menghasilkan barang kemas sendiri. Menurut Gherardi, S. (2013), individu yang benar-benar faham tentang kepentingan melakukan sesuatu aktiviti akan memberikan sepenuh tumpuan terhadap aktiviti yang dilakukannya. Sikap dan pemikiran positif yang diamalkan melalui pendidikan informal adalah kekuatan utamanya dalam usaha meneruskan legasi pertukangan barang kemas tempatan.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini diharapkan dapat menjadi pemangkin dalam usaha membentuk modal insan cemerlang dan berkualiti disamping memberi maklumat yang tepat tentang proses pendidikan informal dan rekaan barang kemas tempatan. Motif, bahan, teknik dan proses yang dihasilkan melalui pendidikan informal menentukan kualiti dan keunikan individu tersebut. Pengalaman, tunjuk ajar, tingkah laku dan motivasi tukang emas Haji Hassan wajar diwarisi dari generasi ke generasi bukan hanya di dalam lingkungan keluarganya sahaja

tetapi untuk seluruh individu dan generasi akan datang. Kesenambungan dan kemahiran pertukangan barang kemas tempatan wajar diteruskan.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada mereka yang terlibat memberikan sumbangan, sokongan dan bantuan dalam kajian ini terutamanya Prof. Madya Dr. Harozila bt Ramli dan Prof. Madya Dr. Tajul Shuhaizam bin Hj Said atas tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan.

## Rujukan

- Ali, Zakaria Ali. (1989). Seni dan seniman: esei-esei seni halus, Dewan Bahasa & Pustaka: Kuala Lumpur.
- Bell, P., Lewenstein, B., Shouse, A. W., & Feder, M. A. (Eds.). (2009). Learning science in informal environments: people, places and pursuits. National Academies Press.
- Hashim, H. Z., Rajili, N. A. M., & Ba'ai, N. M. (2015). Integration of Malay motifs into jewelry design toward exclusive products. In proceedings of the Colloquium on Administrative Science and Technology (Pp. 437-442). *Springer Singapore*.
- Jaafar, H. (2004). Ikhtisar kebudayaan dan prosa Melayu klasik. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Jamal, S. A. (1992). Rupa dan jiwa (form and spirit). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Hj. Ali. (1990). Barang kemas Melayu tradisi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Le Clus, M. (2011). Informal learning in the workplace: a review of the literature. *Australian Journal of Adult Learning*, 51(2), 355.
- Livingstone, D. W. (2010). Job requirements and workers' learning: formal gaps, informal closure, systemic limits. *Journal of Education and Work*, 23(3), 207-231.
- Marsick, V. J., Volpe, M., & Watkins, K. E. (1999). Theory and practice of informal learning in the knowledge era. *Advances in Developing Human Resources*, 1(3), 80-95.
- Mohd Hamid, A. A., Balwi, M. K., Othman, M. F., & Kassim, O. A. (2009). Rekacipta & inovasi dalam perspektif kreativiti. Johor: Penerbit UTM.
- Sudiapermana, E. (2009). Pendidikan informal. *Jurnal Pendidikan Luar Sekolah*, 4(2).